



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN BUTTERWORTH FRINGE  
FESTIVAL 2018

### OLEH

YANG BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG  
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**01 DISEMBER 2018 (SABTU)**  
**5.00 PETANG**

**JALAN JETI LAMA**  
**BUTTERWORTH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Menteri Kewangan Malaysia

**Yang Berhormat Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman**  
Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

**Yang Berhormat Dato' Seri Haji Farizan bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berusaha Encik Hamdan Abdul Majeed**  
Executive Director Merangkap Board of Director  
Think City Sdn. Bhd

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**  
Puan Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Jack Wong**  
Pengurus Acara *Butterworth Fringe Festival 2018*  
Dari pada TLM Events Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Puan Shahira Ahmed Bazari**  
Pengarah Urusan  
Yayasan Hasanah

**Rakan Kolaborasi Butterworth Fringe Festival 2018**

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam Majlis Perasmian *Butterworth Fringe Festival 2018* atau turut dikenali Festival Pinggiran Butterworth 2018.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia; Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO, ADUN serta Ahli Parlimen; Ahli-Ahli Majlis MPSP; Ketua-Ketua Jabatan; Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada petang ini.

Tidak lupa juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada pihak Think City Sdn. Bhd., TLM Event Sdn. Bhd., dan rakan-rakan penaja program ini, Ketua-Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan *Butterworth Fringe Festival 2018* (BFF 2018). Pengajuran BFF buat kali keempat ini adalah hasil kolaborasi di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd.

**Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan  
dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Wawasan ini memberi tumpuan kepada kepada empat (4) objektif utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat civil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan. *Penang 2030* memberi tumpuan terhadap aspek pembangunan kekeluargaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar, serta lonjakan ekonomi dan pembentukan rakyat civil. Dengan ini, jelaslah bahawa *Penang 2030* adalah suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat.

Sebagai sebuah organisasi berpaksikan rakyat atau “*People Centric Organization*”, MPSP telah mengisyiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan penyertaan masyarakat untuk membuat keputusan dalam

program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

MPSP memperbanyakkan program sejajar dengan *people centric* dengan memberi keutamaan kepada remaja dan warga emas bagi membina masyarakat bukan sahaja mencintai alam sekitar malahan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan. MPSP perlu mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan serta penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan. Dengan ini, ia dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan mengurangkan kos.

MPSP memberi peluang dalam membantu penjaja-penjaja, peniaga-peniaga dan para usahawan yang baru berkecimpung dalam dunia perniagaan yang ingin mengembangkan perniagaan mereka. MPSP juga memperkenal dan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah tempat-tempat niaga, ruang bersenam dan bersukan, ruang sosial seperti perkahwinan dan pelbagai acara.

**Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pelancongan bukanlah *core business* MPSP dan MPSP tidak bercadang untuk mengambil alih tugas-tugas agensi pelancongan. Walau bagaimanapun, untuk mencapai status Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar serta memberi peluang pembangunan ekonomi setempat atau *Local Economy Development* (LED), bagi golongan B40, sektor pelancongan boleh memberi impak yang pantas, komprehesif dan jitu. Oleh itu, MPSP telah mengadakan pelbagai program-program menarik pelancongan iaitu:-

- I. *Seberang Perai International Conference On Eco Tourism (SPICEC 2018)* yang dianjurkan oleh MPSP pada 8 hingga 9 Oktober 2018. Konferens kali ini telah menarik perhatian sebanyak 322 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan individu daripada pelbagai latar belakang dan membariskan 26 penceramah daripada dalam dan luar negara. SPICEC 2018 kali ini membawa konsep inklusif. Konferens ini diadakan di hotel bertaraf lima bintang manakala makan malam secara *food truck* di jalanan. Pendekatan ini memberi peluang kepada semua pihak untuk mendapat pendapatan daripada program bertaraf antarabangsa.

II. MPSP telah mewujudkan *Upcycle Park* untuk menjadi taman pelbagai guna bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. MPSP telah berjaya mentransformasikan kawasan kolam tadahan untuk dijadikan taman *upcycle* yang pertama dan tersohor di Malaysia. Barang-barang hiasan dan komponen-komponen yang digunakan di *Upcycle Park* terdiri dari bahan buangan yang ditukar secara kreatif menjadi barang *upcycle* dan diletakkan di taman. *Upcycle Park* diberi pengiktirafan atas keunikannya dan telah dimasukkan ke dalam *Malaysia Book of Records* sebagai taman *upcycle* yang pertama ditubuhkan di Malaysia. *Upcycle Park* telah dirasmikan pada 10 Mac 2018 oleh Yang Berhormat Menteri Tuan Lim Guan Eng yang pada ketika itu menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Nasihat berwawasan yang telah diberikan oleh beliau telah menjadikan *Upcycle Park* tumpuan pelancongan dari dalam negeri dan *best practices* yang telah dikongsi bersama Pihak Berkua Tempatan dalam Negara dan luar Negara.

III. MPSP mengadakan Program ekoterapi rimba (*Forest Bathing*) untuk memperkenalkan tempat-tempat pelancongan menarik di Seberang Perai di samping memanfaatkan terapi rimba semulajadi sambil menikmati keindahan flora dan fauna. Terapi

Rimba boleh dilaksanakan bersama keluarga sekaligus dapat mengeratkan silaturahim sesama keluarga. Aktiviti ini dapat dilakukan dari pelbagai lapisan umur seperti kanak-kanak, dewasa remaja dan warga emas. Enam (6) lokasi terapi rimba yang dilaksanakan dan mendapat tarikan tidak kurang daripada 300 peserta adalah di (i) Hutan Simpan Bukit Juru, Seberang Perai Tengah pada 23 September 2017 dan 3 November 2018; (ii) Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, Seberang Perai Tengah; (iii) Taman Rekreasi Air Hitam Dalam, Seberang Perai Utara; (iv) Taman Negeri Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan; (v) Hutan Lipur Cherok Tok Kun, Seberang Perai Tengah; yang dilancarkan pada 3 November 2018; dan (vi) Pulau Aman, Seberang Perai Selatan yang dijangka akan dilancarkan pada 15 Disember 2018.

IV. *Butterworth Fringe Festival* (BFF) iaitu program yang diadakan hari ini dan esok merupakan satu inisiatif untuk merancakkan lagi misi meremajakan Bandar Butterworth dengan menjadikan bandar ini sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif. BFF merupakan acara tahunan yang telah diadakan semenjak tahun 2015 dengan mempamerkan persembahan tempatan seperti *Orang-Orang Drum Theatre, Penang Modern Dance Ensemble* (Euphoria Penang), *Wak Long Music Group, Angika Fine Arts*,

*JinnD Productions, PlasticityTheatre Troupe, Fusion Wayang Kulit, VFilm Pictures, Gajen & Karen, Artisan Market, Traditional Games, Workshops, RM2 Mini Food Fest, Malaysian Tabletop Gaming Space, Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2018 Exhibition, Bus Stop X Portrait Hunt dan Butterworth Fringe Festival 2018 Photography Contest* yang merangkumi 74% daripada keseluruhan persembahan BFF. Manakala persembahan antarabangsa pula adalah 26% daripada keseluruhan persembahan BFF yang terdiri daripada *Katay Santos, Circo Pitanga, Clap Clap Circo, Hero-San, World of Fire* dan *Claudia den Boer*. BFF 2018 adalah program yang terbuka kepada orang rama secara percuma.

**Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP juga telah merangka program-program tarikan pelancong sejajar dengan *people centric* 2019 yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan adalah:-

- I. Program-program pembinaan infrastruktur dan taman rekreasi, Projek Robina Ecopark. Projek ini akan menjadi titik permulaan ke arah penerokaan pakej pelancongan Hutan Paya Bakau

Telok Air Tawar - Kuala Muda yang merupakan 12 lokasi Kawasan Penting Burung dan Biodiversity (*Important Bird and Biodiversity Area* - IBA) di Malaysia. Hutan Paya Bakau Telok Air Tawar - Kuala Muda adalah merupakan lokasi perhentian (*stopover*) spesis burung terancam seperti *Chinese Egrets* dan *Spoon Billed Sandpipes*. Jenis burung lain yang boleh ditemui di Hutan Paya Bakau Telok Air Tawar - Kuala Muda adalah *Great Herons*, *Far Eastern Curlews*, *Barn Owls* dan *Malaysian Pied Fantails*. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang mengesahkan pokok api-api daripada spesis *Avicennia rumphiana* hanyalah wujud di Hutan Bakau Telok Air Tawar - Kuala Muda dan tiada di tempat lain di Malaysia. Oleh itu, keunikan ini serta aktiviti *bird watching* di kawasan ini mempunyai potensi yang tinggi dan boleh dipromosikan sebagai pakej pelancongan di Seberang Perai.

- II. Mempromosikan warisan melalui pembangunan Jambatan Keretapi lama serta kawasan di sekitarnya yang terletak di Pinang Tunggal, Kepala Batas. Jambatan keretapi yang merentasi Sungai Muda ini adalah merupakan jambatan keretapi pertama dibina di Seberang Perai Utara.

III. Mempromosikan pakej makanan melalui *food truck*. Aktiviti perniagaan berkonsepkan *Food Truck* atau Trak Makanan kini menjadi trend dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di seluruh negara. Kehadiran trak-trak makanan ini mampu menjadi tarikan utama bagi memeriahkan dan menjayakan sesuatu program. Sesuai dengan gaya hidup masyarakat Malaysia yang gemarkan kelainan maka konsep perniagaan menggunakan Trak Makanan ini dilihat mampu memenuhi citarasa dan kehendak penggemar makanan di Malaysia amnya dan khususnya di Pulau Pinang.

IV. Mempromosikan *package eko* pelancongan melalui dokumentari dan rencana warisan.

Selain itu, hub pengangkutan bersepadu Pulau Pinang, Penang Sentral Fasa 1 sudah mula beroperasi pada 22 November 2018. Pembukaan terminal baru ini bakal memberikan fasiliti terbaik untuk pengangkutan awam di negeri ini. Penang Sentral akan berfungsi sebagai hub pengangkutan bersepadu menghubungkan perkhidmatan keretapi ETS dan Komuter Keretapi Tanah Melayu, perkhidmatan pengangkutan antara bandar, perkhidmatan bas ekspres, perkhidmatan teksi dan feri. Jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhan projek, yang membabitkan

beberapa komponen, dianggarkan bernilai RM2.9 bilion. Adalah dijangkakan dengan terdirinya Penang Sentral ini, akan menarik pelancong-pelancong daripada Thailand, Medan dan dalam Negara.

Sebagai sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*people centric organization*”, MPSP bersama Zart Eventive Enterprise dan Think City Sdn. Bhd. telah merangka pelbagai program. Antaranya menganjurkan Program Temasya Bagan @ *Butterworth Art Walk* pada hari Sabtu ketiga setiap bulan bermula bulan Oktober 2018. Setiap bulan program ini mengetengahkan tema-tema berbeza mengikut kepada sambutan perayaan yang tertentu pada bulan tersebut seperti Deepavali, Hari Natal, Tahun Baru, Hari Ibu, dan sebagainya. Temasya Bagan merupakan salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen pendidikan dan kesedaran awam dari segi seni, budaya dan warisan tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program.

Kerajaan Negeri bersama MPSP dan Think City Sdn. Bhd. juga telah melaksanakan projek-projek fizikal seperti *Pocket Park Lebuh Benggali* dan *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama. Pelan ini diharapkan membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di Bandar Butterworth

Bagi Perpustakaan Digital Butterworth di Dewan Ria, Lebuh Kampung Benggali, Butterworth, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah kelolaan Pejabat Perbadanan Ketua Menteri dengan kerjasama MPSP dan Think City Sdn. Bhd. akan melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan mengubahsuai bangunan yang sedia ada. Pembangunan projek ini dijangka siap sepenuhnya awal Januari 2020. Bangunan Dewan Ria ini akan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sesuai kepada semua peringkat umur dan kemudahan ini adalah percuma serta boleh digunakan pada bila-bila masa. Projek ini menelan belanja sebanyak RM5juta.

**Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya amat mengharapkan agar penduduk Seberang Perai menjadikan budaya kitar semula dan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan dalam budaya hidup sehari-hari. Dan saya juga menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejahtera dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”. Marilah kita bersama-sama menonjolkan Bandar Butterworth sebagai hub pengangkutan, budaya,

kreatif dan inovatif supaya ia menjadi tarikan pelancong dan bandar terbersih di Malaysia.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan sebuah Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar menjelang tahun 2022.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan *Butterworth Fringe Festival 2018*. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan penaja yang telah mewujudkan jaringan kolaborasi dalam menjayakan penganjuran *Butterworth Fringe Festival 2018*. Harapan saya, hubungan kerjasama yang terjalin akan bertersuan dengan lebih erat lagi dalam program-program akan datang.

**Dengan ini, saya akhiri ucapan saya ini dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Sekian, terima kasih.**